



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/03/47 (HQ)

### BAIK PULIH KABEL TNB BAWAH JAMBATAN PULAU PINANG SIAP LEBIH AWAL

Kerja-kerja baik pulih kabel elektrik yang terbakar di bawah Jambatan Pulau Pinang dipendekkan seminggu dari jadual asal 118 hari, berikutan kerja menanggalkan struktur sokongan kabel dan kabel yang rosak dapat disiapkan dalam tempoh empat hari sahaja, berakhir hari ini.

“Berdasarkan jadual terkini, tempoh kerja pembaikan oleh pihak TNB dan PLUS adalah 112 hari sahaja. Kami dapat memendekkan tempoh menanggalkan struktur sokongan kabel dan kabel yang rosak yang bermula 4 Mac lalu, tujuh hari lebih awal,” kata Ketua Pegawai Grid Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Ir. Husaini Bin Husin.

Kerja yang disiapkan awal ini membolehkan pihak PLUS menyegerakan siasatan terhadap keadaan struktur dan kerja-kerja baik pulih jambatan yang dijangkakan mengambil masa dua bulan, mulai esok.

Husaini menjelaskan kerja-kerja baik pulih kabel 132kV yang terbakar di Kilometer 3.2, Jambatan Pulau Pinang antara lain merangkumi penggantian tiga litar kabel yang musnah terbakar dengan kabel baru sepanjang kira-kira 100 meter.

Selain itu TNB juga akan membuat kerja-kerja merentang kabel, penyambungan kabel (*cable jointing*) dan penggantian struktur sesalur kabel (*wooden platform*) yang musnah terbakar dengan yang baru.

“Kaedah pelaksanaan kerja oleh pihak TNB tidak mengganggu aliran trafik Jambatan Pulau Pinang. Akses kerja adalah melalui laut dan menggunakan barge daripada mula sehingga akhir pada 23 Jun 2021.”

Mengenai punca kebakaran kabel yang berlaku pada 22 Februari lalu itu, Husaini berkata laporan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Malaysia Pulau Pinang bertarikh 5 Mac menyatakan bahawa berlaku arka elektrik (*electrical arc*) pada kabel di KM3.2 dan terkena kayu pelantar menyebabkan pemanasan setempat, seterusnya berlaku kebakaran.

“Berdasarkan maklumat pihak JBPM ini, kejadian kebakaran bukanlah secara semula jadi atau khianat (*incendiary*). Siasatan sedang dibuat bagi menentusahkan apakah faktor menyebabkan pancaran arka tersebut.

“TNB dan lain-lain pihak yang berkaitan dalam hal ini, masing-masing menjalankan siasatan secara berasingan bagi mengenal pasti penyebab pancaran arka itu,” kata Husaini.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 Mac 2021, jam 2:30 petang**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ketua Pegawai Grid Tenaga Nasional Berhad, Datuk Ir. Husaini Bin Husin.